

PM hurai halangan hubungan KL-China

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

BEIJING, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan beberapa isu yang menghalang kemajuan perhubungan Malaysia-China perlu diselesaikan segera, bagi membolehkan hubungan itu mengambil bentuk yang

lebih dinamik dan bermakna. **OUK**

Katanya, kedua-dua pihak mestilah mengakui bahawa kegagalan menyelesaikan isu-isu dua hala secara memuaskan telah menghalang kemajuan perhubungan yang sudahpun berusia lebih 11 tahun.

"Kemajuan perhubungan kita selama ini nampaknya bergantung kepada lawatan-lawatan yang kita buat. Bagaimanapun, ini tidak cukup untuk meningkatkan mutu perhubungan kita.

"Oleh itu, kita perlu menukar corak ini dengan mengutamakan bentuk yang lebih dinamik supaya kemajuan dalam perhubungan kita akan menjadi proses yang berterusan," katanya.

Berucap di majlis makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang, di Dewan Besar Rakyat di sini malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkara penting yang menjadi syarat perhubungan lebih matang dan stabil ialah saling faham memahami.

"Saya bertekad menaikan perkara ini. Oleh kerana saling memahami ialah proses dua hala, saya berharap dapat berkongsi dengan tuan-tuan pandangan Malaysia dalam beberapa isu," ujarnya.

Perdana Menteri berharap, isu-isu yang dianggap oleh beberapa pemimpin China sebagai "saki baki sejarah" tidak boleh diserahkan kepada masa sahaja untuk menyelesaikannya.

"Di samping menerima hakikat itu, saya berharap kita tidak akan membiarkan sejarah menjadi penghalang kemajuan perhubungan kita. Kita hendaklah bergerak bersama-sama sejarah.

"Saya percaya, melihat kepada kepentingan dan keperluan semasa, sesebuah negara tidak sanggup diperangap oleh kegemilangan warisan sejarah dan tekadan semasa."

Mengenai kerjasama ekonomi dan perdagangan, beliau berkata Malaysia dan China sepatutnya bukan sahaja

● MUKA 2 RUANG 1

"Niaga kita perlu teroka kerjasama"

● DARI MUKA 1

Perusaha mengimbangi imbalan perdagangan atau meningkatkan perdagangan terus, tetapi juga mengatasi masalah kemerosotan perdagangan dua hala sejak tahun 1980.

"Kita mestilah memastikan kenyataan-kenyataan tanpa perlawanan yang menjadi ciri-ciri perdagangan dua hala negara-negara lain, tidak menjadi ciri perdagangan Malaysia-China," ujarnya.

Perdana Menteri berharap, ahli-ahli perniagaan yang mengikuti pembongkarnya berpeluang meneroka peluang kerjasama ekonomi dan seterusnya mengadakan perhubungan yang boleh mengeratkan lagi kedua-dua negara.

Perdana Menteri menyentuh juga isu serantau, khususnya kea-

daan di Kampuchea. Katanya masalah Kampuchea yang mengancam kejayaan serantau harus diselesaikan berdasarkan prinsip kedaulatan dan tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri itu.

"Matlamat kita ialah keselamatan dan kestabilan. Dalam masa yang sama kita juga hendaklah memastikan tidak ada pihak lain yang cuba menahan kemajuan serantau semata-mata kerana kepentingan politikinya.

Perdana Menteri diberi sambutan penuh beristiadat di Dewan Besar Rakyat. Beliau diiringi oleh Encik Zhao Ziyang memeriksa barisan kehormat diikuti dengan persembahan tarian dan tembakan meriam 19 das serta lagu kebangsaan kedua-dua negara.